

23 FEB 2001

Osu-Penggiliran

UMNO SABAH SERAH PANDANGAN BERTULIS SECEPAT MUNGKIN

KOTA KINABALU, 23 Feb (Bernama) -- Ketua Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam hari ini berkata Umno negeri sedang menyediakan pandangannya secara bertulis berhubung sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri untuk dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pandangan bertulis berkenaan, yang diminta oleh Dr Mahathir daripada semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah, akan diserahkan secepat mungkin, kata Ketua Menteri itu.

"Ia sedang disediakan," kata Osu kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sekembalinya dari Kuala Lumpur petang ini.

Beliau berada di ibu negara bagi menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi Umno petang semalam serta menghadiri pertemuan antara Dr Mahathir dengan Ketua Umno bahagian, Ketua Pemuda dan Wanita dari seluruh negara pada sebelah malamnya.

Kecuali Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) yang dijangka menghantar pandangan bertulis mereka minggu depan, semua parti komponen BN negeri telah berbuat demikian dalam tempoh beberapa hari yang lepas.

Menjawab satu soalan, Osu yang juga Pengerusi BN Sabah berkata, setakat ini tiada keperluan di peringkat BN negeri untuk duduk semeja membincangkan isu berkenaan kerana pandangan berhubung isu itu dihantar terus kepada Perdana Menteri.

"Segala pandangan telah pun diperkatakan...cuma sekarang ini Perdana Menteri mahukan kita menghuraikannya secara bertulis," kata beliau.

-- BERNAMA

JS NMO